

08/07/2003

Mendaulatkan dinar, dirham sebagai mata wang Islam

Muhammad Shabri Abd Majid

MENGAPAKAH dolar Amerika Syarikat (AS) tidak boleh dijadikan kayu pengukur

kestabilan, pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara? Jawapannya ialah dolar adalah mata wang yang tidak terjamin kestabilannya.

Ketidastabilan nilai dolar adalah disebabkan turun-naik kadar inflasi dan adanya tindakan spekulasi dalam pasaran wang sehingga mempengaruhi jumlah permintaan dan penawaran dolar.

Bahkan 'pendewaan' dolar oleh negara membangun dan miskin menyebabkan berlakunya ketidakadilan ekonomi yang luar biasa kerana terpaksa berhutang

dengan negara maju di mana semua proses peminjaman dan pembayaran hutang harus menggunakan dolar.

Sebenarnya ini adalah 'perangkap' negara maju agar dapat terus mengeksploitasi negara miskin yang majoritinya adalah dunia Islam.

Oleh itu, tiba masanya umat Islam bersandar pada mata wang yang memiliki

kadar kestabilan yang lebih terjamin tanpa dipengaruhi oleh hukum permintaan dan penawaran wang, bebas daripada inflasi, bunga (riba), ketidakpastian (gharar), perjudian dan tindakan spekulatif. Umat Islam harus segera melepaskan kebergantungan kepada negara maju.

Maka, pilihan paling tepat ialah kembali kepada penggunaan dinar dan dirham seperti dipraktikkan sejak zaman Rasulullah saw hingga punahnya empayar Uthmaniyah pada 1924.

Kestabilan dinar (emas) dan dirham (perak) sebenarnya telah diperakui oleh dunia Barat. Contohnya, ketika kembali menggunakan wang standard emas

pada 1879, kadar inflasi di AS menurun drastik menyamai kadar inflasi pada

1861 ketika wang standard emas digunakan.

Al-Quran dan hadis tidak pernah menyebut bahawa hanya dinar sebagai wang

yang sah digunakan dalam melakukan setiap transaksi dan pelbagai aktiviti

ekonomi lain. Namun, dinar dan dirham selalu disebutkan dalam penghitungan

zakat.

Sebaliknya, ayat-ayat al-Quran hanya menjelaskan fungsi emas (dinar) dan

perak (dirham) sebagai penyimpan nilai, alat tukar, dan pengukur nilai. Maka, majoriti ahli fikah bersetuju bahawa selain dinar dan dirham,

dolar,

euro atau pelbagai jenis wang hampa (fiat money) boleh digunakan asalkan tidak mengandungi unsur-unsur spekulasi, riba, gharar dan perjudian.

Kenapa dinar dan dirham lebih stabil? Tidak dinafikan bahawa pendapat ulama telah memotivasi umat Islam untuk segera kembali kepada dinar dan dirham. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga tidak jemu-

jemu menganjurkan supaya negara Islam menggunakan dinar emas dalam

perdagangan.

Merujuk fakta sejarah, dinar berasal dari Byzantium manakala dirham dari Sasanian dan Fals dari Yunan. Menurut Umar ibni Khattab, berat dinar ialah

4.25 gram manakala dirham adalah 3 gram.

Penentuan nilai dinar atau dirham diukur dengan merujuk kepada berat atau nilai intrinsiknya sedangkan nisbah daripada dinar dan dirham adalah

berkisar antara 1:10 dan 1:15.

Berbeza dengan wang hampa (fiat money) - wang kertas sebagaimana kita gunakan sekarang yang nilainya bergantung kepada kepercayaan dan pengakuan

negara - dinar dan dirham adalah wang nyata yang dijamin oleh dirinya sendiri sebagai logam mulia. Nilai dinar dan dirham adalah tetap, tidak berubah kerana penggunaan dinar dan dirham dipercayai tidak menimbulkan inflasi.

Hampir sepanjang zaman, nilai tukaran dinar dan dirham tidak pernah berubah. Hari ini nilai satu dinar berkisar sekitar RM165 manakala satu dirham menyamai kira-kira RM2.60. Inilah yang menyebabkan nilai dinar (emas) dan dirham (perak) tidak mungkin boleh dimanipulasi oleh negara atau mana-mana lembaga kewangan antarabangsa pun.

Selanjutnya, nilai emas dan perak tidak pernah mengikuti hukum ekonomi sebagaimana digambarkan oleh keluk penawaran dan permintaan, seperti barang niaga lain. Sepanjang tempoh 1988-1997, dunia mengalami defisit emas sebanyak purata 319 tan setahun, tetapi harganya relatif stabil.

Malah, pada tempoh 1994-1997 ketika dunia mengalami defisit emas sebanyak 348 peratus, harganya cuma turun 14 peratus.

Lebih unik, harga emas ternyata khusus untuk setiap negara dan mata wang.

Ertinya, kalau pun harga emas dalam dolar AS naik, ia tidak bererti juga

naik dalam mata wang lain. Begitu juga sebaliknya.

Secara praktikal, emas dan perak mampu menyimpan harta secara tetap, nilainya tidak pernah berkurangan walau disimpan di mana pun. Emas terbukti kalis daripada segala krisis kewangan.

Ketika terjadi krisis mata wang peso Mexico pada 1995, nilai emas di negara itu naik 107 peratus dalam masa tiga bulan. Ketika krisis Rupiah pada 1997, nilai emas di Indonesia meningkat 375 peratus dalam masa tujuh

bulan dan ketika krisis Rubel di Russia pada 1998, nilai emas di negara itu naik 307 peratus dalam masa lapan bulan.

Secara umum, meskipun harga emas dalam dolar AS turun sekitar 30 peratus

sejak 1990, harga purata emas dunia naik sebanyak 20 peratus. Maka, bukan

sesuatu yang menakjubkan ketika terjadi krisis kewangan, rakyat di negara

berkenaan menjadikan emas sebagai penyelamat ekonomi seperti dipraktikkan

di Thailand.

Di samping memiliki nilai lebih stabil, penggunaan dinar akan mengurangkan kebergantungan kewangan penggunaanya terhadap dolar AS akibat

ketidakecakapan mengurus modal. Ini dapat dilihat dalam dunia perdagangan antarabangsa.

Negara yang memiliki imbalan perdagangan defisit (majoritinya negara Islam), bererti kebanyakan dana dalam negara telah mengalir ke luar negara atau disebut sebagai capital flight.

Akibatnya, pendapatan negara akan menurun, kalau pun tidak negatif. Apabila ini berlaku, dan untuk menutup defisit anggaran negara, maka ia terpaksa harus dibiayai dengan hutang luar negara.

Keterpaksaan berhutang jelas telah memerangkap negara yang berhutang terhadap keharusan untuk memenuhi semua syarat yang sifatnya mencekik leher negara terbabit. Keharusan berhubungan dengan dolar ketika membayar hutang, jelas akan menyebabkan nilai wang negara yang berhutang itu akan semakin rendah.

Akibatnya, negara yang berhutang semakin tersepit gara-gara tidak stabilnya (apresiasi) nilai dolar. Namun, kalau berhutang dengan dinar, maka bila-bila pun dan dalam keadaan apa pun, nilai dinar akan tidak berubah.

Selain itu, pembiayaan anggaran negara defisit dengan mencetak wang akan menyebabkan meningkatnya kadar inflasi. Hal ini disebabkan jumlah wang yang beredar dalam masyarakat sudah terlalu banyak dan tidak sebanding dengan jumlah barang dan perkhidmatan yang tersedia di pasaran.

Dengan lain perkataan, nilai wang (dolar) bergantung kepada tinggi-rendahnya jumlah penawaran dan permintaan wang dalam masyarakat (pasaran wang) antarabangsa sedangkan wang emas (dinar) tidak dipengaruhi nilainya oleh hukum penawaran dan permintaan.

Selanjutnya, akibat nilai dinar tidak berubah, maka tindakan spekulatif di pasaran wang asing tidak akan berlaku. Di samping kalis terhadap inflasi, dinar juga tidak dipengaruhi oleh kadar bunga.

Dengan lain perkataan, dinar adalah wang bebas riba. Kestabilan dinar juga akan mempromosikan perdagangan dan menstabilkan sistem kewangan negara.

Namun, untuk mendaulatkan dinar dan dirham agar digunakan kembali dalam pelbagai transaksi antara umat Islam, apalagi diterima pakai semua negara di dunia dan mendapat pengakuan seperti dolar dan euro, bukanlah suatu perkara mudah.

Sebagai contoh, Kesatuan Eropah (EU) hanya berjaya mengeluarkan euro setelah 50 tahun bertungkus-lumus mulai penubuhan European Payment Union (EPU) pada 1950 hingga puncaknya pada 1 Januari 2002 dengan pengeluaran wang logam dan kertas euro.

Begitupun, ia tidak bermakna umat Islam tidak akan mampu mendaulatkan dinar sebagai mata wang negara Islam. Sebagai langkah permulaan, semua

56

negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) boleh menggunakannya walaupun pada masa sama memanfaatkan mata wang negara masing-masing atau apa yang dipanggil parallel currency.

Kemudian, semua negara yang berhubung niaga dengan negara OIC harus menggunakan dinar dan dirham. Dan ketika dinar dan dirham dirasakan

lebih

stabil daripada euro, dolar dan pelbagai mata wang lain, maka semua masyarakat antarabangsa akan `jatuh cinta' dengan dinar dan dirham.

Ini kerana dinar disokong oleh emas (nilai intrinsiknya 100 peratus) sedangkan euro hanya disokong 20 peratus oleh emas manakala dolar AS sama

sekali tidak disokong oleh emas (nilai intrinsiknya kosong).

Memang, usaha untuk memartabatkan dinar agar diterima pakai sebagai alat

tukar, standard nilai serta penyimpan nilai sangat bergantung kepada keinginan dan hasrat negara Islam dan iltizam politik pemerintah.

Disebabkan kesulitan untuk menggantikan penggunaan wang sekarang (fiat money) dengan dinar dan dirham, kurangnya sumber daya untuk mengatasi masalah ekonomi, kebergantungan kepada negara maju dan ketakutan berlebihan negara Islam terhadap AS sebagai negara kuasa besar tunggal dan

negara maju lain apabila tidak menggunakan dolar, maka usaha negara Islam

untuk segera kembali kepada penggunaan dinar dan dirham sedikit tergendala.

Namun, apabila semua negara Islam telah bersepakat untuk menggunakan dinar dan dirham, maka segala transaksi yang dilakukan akan lebih efisien,

telus, stabil dan bebas daripada amalan spekulatif.